

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 33 RABU 17 OGOS, 1966 1386 رابع الاخر 29 رابو PERCHUMA

D. Y. M. M. Mengurniakan Bintang² Dan Pingat² Kebesaran Negara Kapada 56 Orang Di-Antara-nya 8 Orang Dapat Gelaran Dato

BANDAR BRUNEI.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berkenan mengurniakan Bintang² dan Pingat² Kebesaran Negeri bagi Musim Pertama Tahun 1966, kapada 56 orang. Di-antara-nya delapan orang telah di-kurniakan gelaran DATO.

Senarai Pengurniaan Bintang² dan Pingat² Kebesaran itu yang telah di-terbitkan oleh Kerajaan pada 15 Ogos, 1966, di-ketuai oleh Sir Stephen Luke yang telah di-kurniakan Bintang Paduka Seri Laila Jasa (P.S.L.J.) (Darjah Pertama).

Tiga orang Ingeris, di-antara-nya sa-orang penduduk tempatan ia-itu Awang William Henry Doughty, telah di-kurniakan Bintang Dato Seri Laila Jasa (D.S.L.J.) (Darjah Kedua).

Di-antara Warga Negara Brunei dan Penduduk² tempatan yang telah di-kurniakan Bintang² Kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Yang Di-Muliakan Pehin Dana Laila Setia Di-Raja Inche Awang bin Haji Hanafi, telah mengetuai pengurniaan itu dengan di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (D.S.N.B.) (Darjah Kedua).

Beliau di-ikuti oleh Yang Berhormat Awang Mohammad Taib bin Awang Besar yang telah di-kurniakan gelaran DATO dengan pengurniaan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia (D.P.M.B.) (Darjah Kedua).

Beberapa orang Pegawai² Kerajaan Brunei yang telah bersara dan Ketua² Kampong telah juga mendapat pengurniaan.

Senarai pengurniaan tersebut dengan lengkap ada-lah seperti berikut:

- (a) Bintang Paduka Seri Laila Jasa (P.S.L.J.)—Darjah Pertama:
 1. Sir Stephen Luke, K.C.M.G.
- (b) Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (D.S.N.B.) Darjah Yang Kedua:
 1. Yang Di-Muliakan Pehin

Dana Laila Setia Di-Raja, Inche Awang B. Haji Hanafi, POAS, MBE.

- (c) Bintang Dato Seri Laila Jasa (D.S.L.J.)—Darjah Kedua:



1. Yang Amat Berhormat the Earl of Ranfurly, KCMG.
2. Lord Grandchester, OBE.
3. Awang William Henry Doughty, PJK.
- (d) Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia (D.P.M.B.)—Darjah Kedua:
 1. Dato Sir Claude Henry Fenner, CMG., MBE., DMN.
 2. Awang Dennis Hugh Trumble.
 3. Yang Berhormat Awang Md. Taib bin Awang Besar, SNB., MBE., PJK.
- (e) Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (SNB)—Darjah Yang Ketiga:
 1. Awang George Newn Ah Foott, PJK.
 2. Awang Haji Ali Khan b. Abdul Khan, PJK.
 3. Awang Haji Hanafiah bin Abdullah.
 4. Awang Ian Harris.
- (f) Bintang Seri Laila Jasa (S.L.J.)—Darjah Yang Ketiga:
 1. Awang P. Izard.
 2. Awang P.R. Mereweather.
 3. Awang A. J. McGregor Ramsay.
- (g) Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia (SMB)—Darjah Yang Ketiga:
 1. Awang R.D. Ross, POAS.
 2. Dr. L.J. Clapham.
 3. Penyurat Hj. Abu Bakar bin Jambol, P.J.K.

(Lihat Muka 8)

Istiadat Bersuroh Di-Raja Antara Puteri D. Y. M. M Dengan Putera D. P. P.

BANDAR BRUNEI.— Satu Istiadat Bersuroh antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor²ain, Puteri Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Md. Yusof, Putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Bini akan di-adakan dalam bulan ini.

Istiadat itu akan di-adakan di-Istana Darul Hana dan juga di-tempat kediaman Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha pada petang hari Selasa 23 Ogos.

Y. T. M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Merasmikan Pelancharan Dua Buah Kapal

PEKAN MUARA — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkihah telah merasmikan pelancharan dua buah kapal yang di-usahakan oleh Sharikat Limbongan Kapal Takehara Berhad di-Muara pada pagi kelemarin.

Dalam Sabda ucapan di-upacara itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah mensifatkan Sharikat itu sa-bagai satu lagi perkembangan

yang di-chapai di-negeri ini ka-arrah kemajuan, perusahaan dan perkapalan.

Dengan ada-nya sharikat itu juga, sabda Y.T.M. telah melahirkan tanda² yang baik bagi kemajuan ekonomi dan akan memberi lebeh banyak peluang pekerjaan dan kepandaian pertukangan kapada ra'ayat negeri ini.

Mengenai chara penubohan sharikat itu yang di-modali oleh ra'ayat Brunei dan pemodal² Jepun, Yang Teramat Mulia telah mensifatkan langkah itu sa-bagai satu langkah yang baik.

Langkah itu, sabda Yang Teramat Mulia, dapat-lah menghidupkan kesedaran dalam menjalankan perusahaan² yang mendatangkan faedah bagi kemajuan² ekonomi kita.

(Lihat Muka 8)

D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan bertitah di-Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama di-Istana Darul Hana pada pagi hari Juma²at 12 Ogos, 1966.

Pasokan Bola Sepak Sa-Negeri Brunei Akan Bertemu Dengan Pasokan Brigade 51 Di-Seria Dan Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei telah memilih seramai 16 orang pemain2 dari Daerah2 Brunei dan Belait untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Bola Sepak Merebutkan Piala Borneo di-Kuching dalam bulan September akan datang. Demikian menurut Setia Usaha Kehormat persatuan tersebut, Awangku Idriss P. K. I. Haji Mohamed.

Delapan orang pemain2 akan di-pilih dari Daerah Brunei dan delapan orang lagi pemain2 akan di-pilih dari Daerah Belait.

Sementara itu, Pasokan Bola Sepak Sa-Negeri Brunei akan mengadakan perlawanan2 bola sepak sa-chara persahabatan dengan Pasokan Tentera Brigade 51 dalam bulan ini.

Jadual perlawanan tersebut ada-lah seperti berikut:

Hari Juma'at 19 Ogos: Pasokan Bola Sepak Sa-Negeri Brunei melawan Pasokan Tentera Brigade 51 di-Gelanggang Sokan Seria.

Hari Ahad 21 Ogos: Pasokan Bola Sepak Sa-Negeri Brunei akan melawan Pasokan Tentera Brigade 51 di-Padang Besar Bandar Brunei.

KA-KUCHING

Awangku Idriss menerangkan lagi bahawa rombongan dari Brunei ka-Perlawanan Bola Sepak Piala Borneo, mengandungi seramai 18 orang, ia-itu dua orang Pegawai dan 16 orang pemain2 akan ber-

lepas ka-Kuching dengan kapal terbang pada hari Khamis 8 September dan balek ka-Brunei dengan kapal terbang juga pada hari Isnin 12 September.

Peraduan2 Mister Brunei Dan Miss Brunei

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 "Mister Brunei" dan "Miss Brunei" Tahun 1966 akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan September hadapan sa-bagai satu daripada acara2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Peraduan2 tersebut ada-lah terbuka kepada semua penduduk2 di-Negeri Brunei.

Peserta2 yang menjadi johan dalam Peraduan2 "Mister Brunei" dan "Miss Brunei" itu, akan di-berikan tambang perchuma dari Brunei ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dengan kapal terbang oleh Sharikat Penerbangan Cathay Pacific.

Sa-lain dari itu, mereka juga akan di-berikan tempat tinggal perchuma di-Fortuna Hotel, Kowloon, Hong Kong.

Peserta2 boleh mengambil bahagian atas nama, atau sa-bagai Wakil Persatuan/Maktab/Sekolah masing2 atau sa-

chara persaoangan.

Segala permohonan hendaklah di-alamatkan kepada Pengerusi, Jawatan Kuasa Peraduan Merebut Gelaran "Mis-

ter Brunei" dan "Miss Brunei" Tahun 1966, Awangku Idriss, d/a Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei, sa-belum 31 Ogos, 1966.

Pensharah Universiti Malaya Melawat Maktab Perguruan Melayu Brunei



Tunku Shamsul Bahrin, Penangharian dari Jabatan Ilmu Alam, Universiti Malaya telah melawat ka-Negeri Brunei baru2 ini sa-bagai tetamu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Pada masa lawatan itu beliau telah melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini di-antara-nya Maktab Perguruan Melayu Brunei, bersama2 dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil.

Tunku Shamsul Bahrin telah memberikan satu cheramah berkenaan dengan Ilmu Alam pada masa lawatan beliau ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Dalam gambar ini kelihatan

Tunku Shamsul Bahrin bilangan tujuh dari kiri bergambar bersama2 dengan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil dan sa-bilangan Penangharian2 dari Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Perkenalan dari kiri: Awang Abdul Hamid P.H.A. Bakar, Awang Mustapha Shawal, Ustaz Abdul Rahim, Awang Maawiah bin Haji Abdullah, Awang Taha Rauf, Awang Hamdan Said, Tunku Shamsul Bahrin, Dayang Halimah Bungsu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil, Awang Abdul Jalil Rahman, Awang Rawi bin Abd. Rahman Awang B.H.A. Zainie dan Awang W. Seneviratne.

Pemantasan Peraduan Drama Anjoran Persatuan PERANGKAB

KAMPONG BURONG PINGAI. — Satu Peraduan Drama Pendek terbuka kepada Persatuan2 Belia dan Badan2 Persekolahan di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada jam 8 malam 19 Ogos, di-bawah anjoran Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Brunei (PERANGKAB), untuk membantu Tabong Derma persatuan itu.

Tiga buah pasokan telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam peraduan tersebut, ia-itu: Badan Kesenian dan Kebudayaan, Gabungan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei; Persatuan Melayu Keriam, Tutong dan Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya (PERDA) Tutong..

Di-samping itu, Persatuan PERANGKAB, sa-bagai tuan rumah, akan juga turut menyumbangkan serba aneka hiburan untuk menambahkan meriah lagi acara sambutan

pada malam tersebut.

DRAMA PURBAWARA

Di-antara acara2 yang akan di-persembahkan di-temasha itu ia-lah Drama sa-babak berupa purbawara bertajok "Bendahara Menjadi Sultan".

Abdul Rahman Yusof akan mengambil peranan utama sa-bagai Sultan Ali. Abdul Rahman Salim akan berlakon sa-bagai Bendahara. Abdul Wahab Tengah akan berlagak sa-bagai Pengiran Kerma, manakala Dayangku Mastura bte. Pengiran Manai pula akan beraksi sa-bagai Isteri Bendahara.

Pada malam tersebut juga, para hadirin akan di-hiborkan dengan nyanyian2 oleh "Bintang2 Radio" tempatan, dan lain2 acara yang menarek hati.

Tiket2 untuk menonton, berharga dua ringgit, satu ringgit dan lima puluh sen, boleh-lah di-beli dari sekarang dari Persatuan PERANGKAB atau pun di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam 19 Ogos, 1966.

Gunakan - Lah Bahasa Melayu

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Ogos hingga ka-hari Selasa 23 Ogos, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
18	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
19	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
20	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
21	12.27	3.45	6.35	7.46	4.42	4.57	6.15
22	12.27	3.45	6.35	7.46	4.42	4.57	6.15
23	12.27	3.45	6.35	7.46	4.42	4.57	6.15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Kursus Pertanian Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kuala Ungar

TUTONG. — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian, Brunei akan mengadakan Kursus Pertanian untuk ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kuala Ungar, Tutong sa-lama beberapa hari mulai pada hari Isnin 29 Ogos, 1966.

Ranchangan Kursus Pertanian tersebut, ada-lah seperti berikut: —

HARI ISNIN 29 OGOS:

- (a) 8-30 pagi — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian Brunei berangkat ka-Kuala Ungar.
- (b) 4-00 — 6-00 petang — Pembukaan Rasmi Kursus Pertanian di-Kampong Kuala Ungar.

HARI SELASA 30 OGOS:

- (a) 7-30 pagi — 12-00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2.
- (b) 4-00 — 6-00 petang — Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian dalam darjah.

HARI RABU 31 OGOS:

- (a) 7-30 pagi — 12-00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2.
- (b) 4-00 — 6-00 petang — Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian dalam darjah.

HARI KHAMIS 1 SEPTEMBER:

- (a) 7-30 pagi — 12-00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2.
- (b) 4-00 — 6-00 petang — Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian dalam darjah.

HARI JUMA'AT 2 SEPTEMBER:

- (a) 4-00 — 6-00 petang — Sharahan2 Pertanian dan Cheramah.

HARI SABTU 3 SEPTEMBER:

8-30 pagi — Rombongan Pegawai2 Pertanian berangkat balek ka-Bandar Brunei.

HARI ISNIN 5 SEPTEMBER:

8-30 pagi — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kuala Ungar berangkat melawat Pusat Pertanian Kilanas untuk meninjau sa-chara langsung dalam segi Pertanian, Penternakan dan Perusahaan.

Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Sinaut Melawat Pusat Pertanian Kilanas

SINAUT. — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Sinaut telah menghadiri satu kursus Pertanian sa-lama beberapa hari di-kampong mereka di-bawah anjoran Jabatan Pertanian Negeri Brunei baru2 ini. Sa-lepas itu mereka telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas.

Gambar ini di-ambil pada masa ahli2 Persatuan Peladang Kampong Sinaut melawat ka-Kolam Menternak Ikan di-Pusat Pertanian Kilanas.

Peraduan Bermain Gasing Anjoran Persatuan Belia Sengkurong

SENGKURONG. — Penduduk2 Kampong dan Persatuan2 di-seluruh Negeri Brunei adalah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Bermain Gasing yang akan di-adakan dalam bulan Oktober hadapan di-bawah anjoran Persatuan Belia Sengkurong.

Menurut Setia Usaha peraduan tersebut, Awang Asmat H. M. Salleh, Peraduan Bermain Gasing itu di-adakan ialah bagi melaksanakan satu daripada projek2 Persatuan Belia Sengkurong bagi tahun 1966.

Awang Asmat H. M. Salleh menyeru kepada penduduk2 Kampong dan Persatuan2 di-seluruh Negeri Brunei supaya dapat mengambil bahagian dalam peraduan tersebut, "demi menghidupkan kembali kesenian dan kebudayaan bangsa kita yang turun temurun dari nenek moyang kita, agar sentiasa hidup di-negeri kita yang bersejarah ini untuk selamanya.

Orang ramai yang ingin mengambil bahagian dalam Peraduan Bermain Gasing itu, adalah di-persilakan berhubung dengan pengerusi peraduan tersebut, Awang Abdul Hamid Tamat, d/a Pejabat Pelajaran Ugama, Brunei atau pun dengan Setia Usaha peraduan itu, Awang Asmat H. M. Salleh, d/a Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan, Brunei.

Perhubungan itu boleh-lah di-buat sama ada dengan surat atau berjumpa terus dengan Awang Abdul Hamid atau Aw. Asmat untuk mendapatkan borang mengambil bahagian.

Borang2 itu mesti-lah di-hantar kepada pehak yang berkenaan itu tidak lewat dari 27 September, 1966. Jika lewat dari tarikh yang di-tetapkan itu, borang2 itu tidak-lah akan di-terima.

SHARAT2

Sharat2 memasuki Peraduan Bermain Gasing itu ada-lah seperti berikut: —

1. Peraduan Bermain Gasing ini ada-lah terbuka kepada orang2 kampong dan Persatuan2 di-seluruh Negeri Brunei.
2. Bayaran masuk peraduan ada-lah di-kenakan pada tiap2 satu pasokan sa-banyak dua puluh ringgit, dan segala perbelanjaan atau kenaikan di-masa menghadhiri peraduan di-jalankan, ada-lah tertanggung oleh pasokan2 yang mengambil bahagian.
3. Pasokan2 hendak-lah mengisi borang yang telah disediakan oleh Jawatan Kuasa Peraduan Permainan Gasing, Persatuan Belia Sengkurong, Brunei.
4. Pada tiap2 pasokan, hanya di-kehendaki peserta-nya sa-ramai 10 orang sahaja, dan peraduan ini ada-lah sa-chara pukol mati.
5. Jenis2 kayu ada-lah bebas — hanya gasing tidak di-benarkan di-masokan benda besi dan timah sa-lain daripada paku dan sampak sahaja.
6. Masa perlawanan akan di-mulakan tepat jam 8-00 pagi hingga 4-00 petang bertempat di-Kampong Sengkurong, Brunei.
7. Kalau pasokan tidak hadir di-masa yang di-tetapkan, ada-lah di-kira kalah, kecuali ada satu2 sebab yang boleh di-pertimbangkan.
8. Permainan Peraduan Gasing ini di-jangka akan di-adakan dalam bulan Oktober 1966 dan tarikh peraduan akan di-tetapkan kelak (terta'lok pada perubahan).
9. Keputusan hakim ada-lah mu'tamat.



PENDUDOK2 NEGARA BERGEMBIRA

PENDUDOK2 dari segala bangsa yang tinggal di-seluruh Negeri Brunei akan bergembira pada hari Juma'at 23 September tahun ini, kerana pada hari itu mereka akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin yang ka-lima puluh.

Sa-bagaimana pada tahun2 yang lalu, pada tahun ini juga perayaan2 sa-chara besar2an akan di-adakan di-Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Jawatan2 Kuasa Tertinggi bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah di-bentok di-tiap2 daerah untuk membuat persiapan2 bagi menyambut hari tersebut.

Pengerusi bahagian masing2 yang telah di-lantek dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Tertinggi itu telah melaksanakan tugas mereka dengan mengadakan mashuarat dan membentok Jawatan2 Kuasa mereka pula sambil membuat persiapan2 yang lanjut bagi menyambut Hari Keputeraan Baginda pada tahun ini.

Memandang kapada persiapan2 tersebut, sa-bagaimana yang kita fahami, sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada tahun ini, akan lebeh meriah lagi daripada sambutan2 yang telah di-adakan di-seluruh negara pada tahun2 yang lalu.

LIMBONGAN TAKEHARA

YANG TERAMAT MULIA Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah merasmikan pelancharan dua buah kapal yang di-buat oleh Sharikat Limbongan Kapal Takehara Berhad di-Muara pada kelemarin pagi.

Sharikat Limbongan Kapal itu telah menanamkan modal sa-banyak empat juta ringgit dengan di-modali oleh ra'ayat Brunei bersama2 dengan pemodal2 Jepun.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dalam sabda di-upachara itu telah mensifatkan perusahaan itu sa-bagai satu lagi perkembangan di-negeri ini.

Yang Teramat Mulia berharap agar perusahaan perkapalan itu akan berjalan dengan lancar-nya pada sa-tiap masa.

Dengan ada-nya perusahaan tersebut, banyak anak2 tempatan akan di-beri latehan untok bekerja di-Limbongan kapal itu dan dengan yang demikian kemungkinan ada-lah jelas bahawa pada satu masa nanti anak2 tempatan akan mempunyai pengalaman dan pengetahuan di-lapangan Limbongan.

Bagi mengukuhkan lagi ekonomi negeri ini, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah menjelaskan:

"Perusahaan2 yang di-sifatkan mendatangkan faedah kapada kemajuan ekonomi kita, sa-memangnya sudah patut di-lakukan oleh negeri ini, bukan-lah dengan mengharapka ekonomi kita yang boleh memberi faedah kapada ra'ayat dari sumbar satu2 hasil yang tertentu saja."

ISTIADAT MEMPERINGATI ULANG TAHUN DARJAH KEHORMATAN JASA UTAMA

SATU ISTIADAT memperingati Ulang Tahun Darjah Kehormatan Jasa Utama kali yang ke-tiga telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana pada pagi 12 Ogos, 1966.

Dalam titah ucapan di-istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah bahawa istiadat itu adalah untok memberi peluang bagi Ahli2 Darjah dan Pingat

untok kenal mengenali diti-tara satu sama lain su-chita2 untok tujuan yang akan dapat berjalan de-sempurna dan menghasi-perkara2 kebajikan yang ridhai Allah.

PERKEMBANGAN PELAJARAN

Baginda juga telah me-hatkan Ahli2 Darjah dan Pingat supaya bersungguh2 churahkan perkhidmatan



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri berhadapan berangkat ka-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana untok menghadiri Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama pada pagi 12 Ogos.



Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zaki bin Haji Serudin membaca Do'a Selamat di-Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana.

E TAHUN TAMA

as laila jujur dan mengikut ang2 dan peratoran Kerajaan Negeri demi untok kebaha- n negara.

lain dari itu, Baginda juga menjelaskan bahawa pada ini Kerajaan telah meng- akan berjenis2 ranchangan a menambah kemajuan dan a'moran terutama sa-kali menggalakkan perkemba- pelajaran dan ilmu penge- an.

ntok semua ranchangan2 titah Baginda, tenaga dan hidmatan kerjasama dari oh lapisan ra'ayat yang chintai negeri-nya Brunei is-salam ada-lah mustahak.


PENGALAMAN

ginda menjelaskan, negara Brunei berkehendakkan at yang ada di-dalam-nya ya mempelajari ilmu pe- huan dan mempunyai pe- m2an.

lam istiadat itu, lebeh dari orang telah hadir, termah Yang Teramat Mulia Paduka Duli Pengiran ahara; Yang Teramat a Seri Paduka Duli Pengi- Pemancha; Yang Amat a Pengiran Shahbandar ul Bandar Haji Mohamed h; Yang Amat Mulia Pe- Kerma Indra Haji Mo- d; Menteri Besar Brunei, Amat Berhormat Dato Paduka Marsal bin Maun; arah Gerakan Borneo, ar General Dato Paduka H. Lea serta pembesar2 ra.

MAJLIS SANTAPAN

adat pada pagi itu telah hiri dengan Bachaan Do'a



Gambar2 atas dan bawah di-ambil di-Majlis Santapan Berserak yang telah di-adakan di-Taman Istana Darul Hana.



Selamat oleh Timbalan Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji

Serudin.

Sementara itu, pada sa-belah malam-nya pula, Majlis San-

tapan Berserak telah di-lang- songkan di-Taman Istana Darul Hana.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan semasa Baginda menghadiri Majlis Santapan Berserak di-Taman Istana Darul Hana pada malam 12 Ogos. Berdiri di-sabelah kanan Baginda dalam gambar ini ia-lah D.Y.M.M. Seri Paduka Raja Isteri dan di-sabelah kiri Baginda ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkihah.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Jururawat Terlatah Dan Jururawat

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Jururawat Terlatah dan Jururawat untuk berkhidmat dalam Jabatan Perubatan, Negeri Brunei.

Kelayakan2:

Jururawat Terlatah: Mesti-lah dari Jururawat2 yang berdaftar serta mempunyai kelayakan2 yang boleh di-terima.

Jururawat: Mesti-lah dari Jururawat2 yang berdaftar serta mempunyai kelayakan2 yang boleh di-terima; DAN mesti-lah juga menjadi Bidan yang berkelayakan2 yang boleh di-terima

Gaji:

Jururawat Terlatah: Dalam Sukatan D3 ia-itu \$380x20 - 480 sa-bulan.

Jururawat: Dalam Sukatan D4 ia-itu \$500x20 - 620 sa-bulan.

Temuduga: Akan di-atorkan tidak lama selepas permohonan2 di-terima ia-itu bagi pemohon2 yang boleh di-

terima berkhidmat.

Sharat2 Lantekan: Chalon2 yang berjaya yang bukan menjadi ra'ayat DYMM Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek atau sechara sa-bulan ka-sa-bulan.

Baksis: Chalon2 yang di-lantek sechara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar kepada Pegawai Perubatan Negara. Sampol2 surat mesti-lah bertulis dengan terang-nya dengan perkataan2 berikut — "Permohonan — Jururawat/Jururawat Terlatah".

Permohonan2 mesti-lah di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perubatan Negara. Borang2 ini boleh juga di-penohi sebelum temu duga.

Diploma2, beserta dengan salinan2-nya untuk di-simpan sekira-nya pemohon2 berjaya, MESTI-LAH di-bawa bersama semasa temu duga.

Pegawai Kaki Tangan Di-Jabatan Kerja Raya Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Kaki Tangan di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2: Sijil Persekolahan Senior Cambridge, GCE atau yang bersamaan dengannya). Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai Ijazah University dan tahu berbahasa Melayu.

Pengalaman: Berpengalaman dalam bidang perhubungan di-antara majikan dan pekerja2, kebajikan dan penadbiran pekerja2.

Umor: Sekurang2-nya berumur 35 tahun.

Gaji: Dalam sukatan B.2 \$1020x40 - 1620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Chalon yang berjaya yang bukan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan

yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechara berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Ogos, 1966.

Permohonan2 dari pegawai2 yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 beserta dengan laporan2 sulit.

Malam Aneka Warna Persatuan Melayu Keriam

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong akan mempersembahkan satu temasha Malam Aneka Warna di-dewan persatuan tersebut pada jam 8 malam hari Ahad 28 Ogos, 1966.

Temasha itu akan di-adakan sa-bagai m e n y a m b u t Lumba Jalan Kaki Jarak Jauh yang akan di-adakan oleh Persatuan Melayu Keriam pada pagi hari tersebut.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha Malam Aneka Warna itu ia-lah Peraduan Ratu Kebaya; Peraduan Pakaian Beragam; Persembahan2 Nyanyian, Tarian Tablo, Lawak Jenaka dan lain2-nya.

Peraduan2 Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam itu ada-lah terbuka hanya kepada penduduk2 di-Daerah Tutong sahaja.

Pancharagam Orkes Gema Senandong, di-bawah pimpinan Adi Ya'akub akan bermain di-temasha Malam Aneka Warna itu.

Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Melayu Keriam Tutong mempersilakan orang ramai ka-temasha Malam Aneka

Warna yang akan di-adakan oleh persatuan tersebut pada malam 28 Ogos.

Sambutan Maulud Di-Kampong Kiarong

KAMPONG KIARONG — Penduduk2 Kampong Kiarong telah mengadakan satu majlis kerana sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., pada hari Juma'at, 12 Ogos, 1966.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Muhammad Pemeriksa Kanan Sekolah2 Uagama negeri Brunei telah merasmikan pembukaan tersebut dan kemudian-nya beliau juga memberikan Sharahan Maulud.

Achara2 lain yang telah di-adakan ia-lah Peraduan membacha Al-Koran dan Sharahan bagi Murid2 Sekolah Uagama Kampong Kiarong. Ramai peserta2 telah mengambil bahagian.

Ustaz Salleh bin Haji Abdul Karim telah memperdengarkan suara-nya dalam bacheaan Al-Koran dan Khasidah.

Turut memberikan ucapan2 dalam majlis tersebut ia-lah wakil penghulu Kampong Kiarong, Awang Nordin bin Dato' Ratna Haji Mohd. Jaafar, Ustaz Haji Moktah bin Ahmad, Guru Besar Sekolah Uagama Kampong Kiarong dan Che'gu Juma'at bin Abas Setia Usaha majlis tersebut.

Majlis di-tamatkan dengan Bacheaan Do'a Selamat. — *Berita Kiriman Awang Muslim Burmat.*

Mashuarat Agong Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling

KAMPONG SUMBILING. — Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling telah mengadakan Mashuarat Agong-nya kali pertama di-tempat kediaman Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Md. Yussof baru2 ini.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh beberapa orang. Di-antara-nya ialah Ketua Kampong Sumbiling, Yang Di-Muliakan Pehin Penyurat Haji Hashim; Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Sumbiling, Yang Mulia Awang Haji Yakub bin Awang Zainal; Yang Dipertua persatuan itu, Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Md. Yussof dan Setia Usaha persatuan itu, Awangku Suhaimi Pengiran Wahid.

Yang Di-Muliakan Pehin Penyurat Haji Hashim telah mengalu2kan atas penubohan persatuan itu dan berkata bahawa beliau berasa bangga atas gerakan belia2 di-kampong itu yang sedar akan tanggung jawab mereka.

Beliau berharap sa-moga Pegawai2 Baru persatuan itu yang di-pilih dalam Mashuarat Agong tersebut akan bekerja dengan lebeh kuat lagi dan mendapat kejayaan yang chemerlang.

Awang Haji Yakub berkata dalam ucapan beliau yang di-bachakan oleh Setia Usaha persatuan tersebut bagi tahun 1965/1966, Awangku Suhaimi, bahawa beliau

berasa bangga kerana Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling di-tubuhkan sa-mata2 untuk kebajikan bagi semua golongan masharakat di-kampong itu. Beliau berharap sa-moga pada masa akan datang, banyak lagi kemajuan2 akan tercapai oleh persatuan itu dengan memperolehi kejayaan.

Yang Dipertua baru persatuan tersebut, Awang Husain dan Setia Usaha baru persatuan itu, Awangku Suhaimi telah berpesan sa-moga Jawatan Kuasa Tadbir yang di-lantek pada hari tersebut akan menjalankan perkembangan dan pertadbiran persatuan itu demi untuk kegunaan khas-nya bagi penduduk2 Kampong Sumbiling dan 'am-nya untuk bangsa, negara dan Uagama Islam yang di-chintai. — *Berita kiriman Awangku Suhaimi Pengiran Wahid.*

PERADUAN KESUSASTERAAN

KUCHING — Lembaga Kesusasteraan Borneo telah menge-luarkan satu peringatan berkenaan dengan Peraduan Kesusasteraan yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Hadiah2 sa-banyak \$800.00 akan di-beri kepada karangan2 asli yang terbaik.

Karangan2 boleh-lah di-tulis dalam apa bahasa saja yang di-gunakan dalam Malaysia Timor, tidak kurang dari 3,000 perkata'an.

Karangan2 itu hendak-lah di-kirimkan kepada Pengarah, Borneo Literature Bureau, Kuching, Sarawak sa-belum 30 Ogos, 1966.

SOKAN DAN OLAH RAGA

—Oleh Awang Md.Husain Zainal—

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut: —

- (1) Pada 8 Ogos 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, dengan Pasokan Wakil Sekolah2 Rendah Melayu, iaitu Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong. Keputusan-nya pasokan Sekolah Melayu Sengkurong menang dengan 6 gol berbalas 1.
- (2) Pada 9 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama menang dengan 1 gol tidak berbalas.
- (3) Pada 10 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, bertempat di Padang SMJA, Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama menang dengan 3 gol tidak berbalas.
- (4) Pada 11 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei. Keputusan-nya pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei menang dengan 1 gol tidak berbalas.
- (5) Pada 12 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Wakil Sekolah2 Rendah Melayu, iaitu Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell Seria. Keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei menang dengan 10 gol tidak berbalas.
- (6) Pada 13 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria dengan Pasokan Se-

kolah Menengah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria menang dengan 6 gol tidak berbalas.

(7) Pada 14 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Pasokan Maktab SOAS menang dengan 14 gol tidak berbalas.

Perlawanan2 yang di-jalankan pada minggu ini ada-lah seperti berikut: —

(1) Pada 15 Ogos, 1966: Dua Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Perempuan di-jalankan serempak ia-itu:
 (a) Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei berlawanan dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei.

(b) Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Is-teri berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong sebagai mewakili Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong.

(2) Pada 16 Ogos, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Maktab SOAS, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei.

(3) Pada 17 Ogos, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria. Permainan di-mulakan jam 3-45 petang.

SEPAK RAGA JARING

Perlawanan Sepak Raga Jaring antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah di-jalankan ada-lah seperti berikut: —

(1) Pada 8 Ogos, 1966: Perlawanan Pemilihan Sekolah2 Jalan Muara Bahagian Brunei II, bertempat di-Gelanggang Maktab Perguruan Melayu Brunei. Permainan di-adakan dengan chara kalah mati (Knock-out).

(a) Pasokan2 yang mengambil bahagian.

(i) Sekolah Melayu Anggerek Desa 2 pasokan: "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Sungai Hanching 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas 2 pasokan: "A" dan "B".

(iv) Sekolah Melayu Lambak, Berakas 2 pasokan: "A" dan "B".

(v) Sekolah Melayu SUAS Muara 2 pasokan: "A" dan "B".

(vi) Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas 1 Pasokan: "B" sahaja.

(b) Keputusan perlawanan. Kumpulan "A": Johan S.M. Anggerek Desa; Naib Johan S.M. Delima Satu.

Kumpulan "B": Johan S.M. Anggerek Desa; Naib Johan S.M. Burong Pingai, Berakas.

(c) Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Delima I, Pengiran Haji Buntar, kepada pasokan2 yang berjaya.

(d) Hadiah2 rebutan.

(i) Kumpulan "A": Piala Awang Harun b. Abd. Samad.

(ii) Kumpulan "B": Piala Orang Kaya Dayang Haji Tamit.

(2) Pada 9 Ogos, 1966: Perlawanan Pemilihan Sekolah2 Jalan Tutong Bahagian Brunei II, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sengkurong. Permainan di-adakan dengan chara kalah mati.

(a) Pasokan2 yang mengambil bahagian.

(i) Sekolah Melayu Sengkurong 2 pasokan "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Kilanas 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Bunut 2 pasokan: "A" dan "B".

(iv) Sekolah Melayu Gadong 2 pasokan: "A" dan "B".

(v) Sekolah Melayu Jerudong 1 pasokan: "B" saja.

(vi) Sekolah Melayu Kiu-lap 1 pasokan: "B" saja.

(vii) Sekolah Melayu Bengkurong 1 pasokan: "A" saja.

(b) Keputusan perlawanan. Kumpulan "A" Johan Sekolah Melayu Gadong; Naib Johan Sekolah Melayu Kilanas. Kumpulan "B" Johan Sekolah Melayu Sengkurong; Naib Johan Sekolah Melayu Bunut.

(c) Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Penghulu Kampong Sengkurong, Orang Kaya Maha Raja Dinda Haji Saman kepada pasokan2 yang berjaya.

(d) Hadiah2 rebutan.

(i) Kumpulan "A": Perisai Persatuan Belia Sengkurong.

(ii) Kumpulan "B": Piala Orang Kaya Maha Raja Dinda Haji Saman.

(3) Pada 10 Ogos, 1966: Perlawanan Pemilihan Sekolah2 dan Maktab2 Bahagian Brunei I, bertempat di-gelanggang SMJA Tambahan. Permainan di-jalankan chara kalah mati.

(a) Pasokan2 yang mengambil bahagian.

(i) Sekolah Melayu SMJA 2 pasokan: "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Lela Menchanai 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Pintu Malim 1 pasokan: "B" saja.

(iv) Maktab SOAS 1 pasokan: "B" saja.

(b) Keputusan perlawanan. Kumpulan "A" Johan Sekolah Melayu Lela Menchanai; Naib Johan Sekolah Melayu SMJA.

Kumpulan "B" Johan Maktab SOAS; Naib Johan Sekolah Melayu SMJA.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan "A" Sekolah Melayu Lela Menchanai dan Pasokan "B" Maktab SOAS menjadi Wakil Sekolah2 Rendah Bahagian Brunei I, masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

PERARAKAN BASIKAL BERHIAS BAGI MENYAMBUT HARI JADI D.Y.M.M.

KUALA BELAIT. — Satu Perarakan Basikal Berhias akan di-adakan di-Kuala Belait dalam bulan September hadapan, sa-bagai satu daripada acara2 sambutan Hari Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait.

Perarakan tersebut ada-lah terbuka kepada semua Klab2, Persatuan2 dan Kumpulan2 atau Pasokan2 dalam Daerah Belait.

Pasokan yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam Perarakan tersebut, sila-lah membuat perhubungan dengan Pengerusi Jawatan Kuasa Perarakan Basikal Berhias, Awang Abdul Rahman bin Rahmat, d/a Jabatan Kenderaan Darat Kerajaan, Kuala Belait.

(Dari Muka 1)

4. Y.B.Pg. Ahmad Ibi Almarhom D.P.B. Anak Hj. Md. Yassin.
 5. Awang Ibrahim b. Sapar.
 6. Awang Md. Ali bin Awang Besar.
 7. Awang Hj. Metassim bin Japaruddin.
 8. Awang Cheong Keong Quee.
 9. Pengiran Hj. Abas b. P. Aliuddin, BP.M.A.
 10. Awang Sunny bin Ahmat.
 11. Awang Osman Chua Kwong Soon.
- (h) Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Di-Hormati (P.S.B.) Darjah Yang Ke-Empat:
1. Awang P.H. Meadows.
- (i) Pingat Omar Ali Saifuddin — Darjah Pertama:
1. Awang R.T. Lloyd Dolbey, PJK.
 2. Awang G.V. de Freitas.
 3. Pengiran Haji Yusof bin P. Md. Limbang.
 4. Pengiran Haji Tengah Metassan b. Pengiran Omar Ali.
 5. Dato Ratna Hj. Md. Ja'afar.
 6. Awang Safar bin Salam.
 7. Pengiran Haji Damit bin Pengiran Tajuddin.
 8. Awang Bakir bin Ahmad.
 9. Awang Bakar bin Kassim.
- (j) Pingat Omar Ali Saifuddin — Darjah Kedua:
1. Awang P. McManus.
 2. Orang Kaya Bandar Awang Mohamed Dayang PJK.
 3. Pengiran Damit bin Pengiran Kahar.
 4. Pengiran Hj. Apong bin Pengiran Puteh.
 5. Dato Setiawan Haji Tinggal.
 6. Awang Haji Chuchu bin Bakar.
 7. Awang J.E. Fairbairn.
 8. Awang G.R. Crowhurst.
 9. Awang E.M. Reynolds.
 10. Pengiran Mohamad bin Pengiran Badar.
- (k) Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
1. Pengiran Haji Apong b. Pengiran Safiuddin.
 2. Awang Md. Ja'afar bin Haji Daud.
 3. Orang Kaya Seri Ratna Awang Md. Noor bin Othman.
 4. Awang Haji Md. Walli bin Tunggul.
 5. Awang Haji Md. Yassin bin Abdullah.
 6. Pengiran Ahmad bin Pengiran Yusof.
 7. Awang Patrick Ng Swee Lin.
 8. Awang John Keasberry.
 9. Awang S. Palaniandy.
 10. Awang Haji Basir bin Taha.

JADUAL PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA BORNEO DI-KUCHING

KUCHING. — Jadual Perlawanan Bola Sepak Piala Borneo yang akan diadakan di-Kuching antara Negeri2 Brunei, Sabah dan Sarawak pada bulan September hadapan ada-lah seperti berikut: —

Hari Juma'at 9 September: Brunei melawan Sabah.

Hari Sabtu 10 September: Sarawak akan melawan pasukan yang kalah dalam perlawanan yang akan diadakan pada 9 September.

Hari Ahad 11 September: Sarawak akan melawan pasukan yang menang antara Brunei dan Sabah.

(Dari Muka 1)

"Perusahaan2 yang di-sifatkan mendatangkan faedah, sa-memangnya sudah patut di-lakukan oleh negeri ini dan bukan-lah dengan mengharapakan ekonomi yang boleh memberi faedah kepada ra'ayat dari sumber satu2 hasil yang tertentu saja," sabda Yang Teramat Mulia.

Di-samping menguchapkan tahniah atas kejayaan sharikat itu membena dua buah kapal tersebut, Yang Teramat Mulia telah juga menyatakan harapan agar supaya sharikat itu akan memperolehi kejayaan pada masa hadapan.

Yang Teramat Mulia juga mendoakan supaya kapal2 yang di-lancarkan itu beserta dengan anak2 buah-nya akan beroleh selamat dan terpelihara dari segala mara binchana di-dalam pelayaran2-nya kelak.

Sementara itu, Pengarah Sharikat itu, Awang Kitagawa telah mengalu2kan keberangkatan Yang Teramat Mulia ka-upachara itu dan telah juga menyatakan terima kasih-nya atas kesudian Yang Teramat Mulia merasmikan pelancaran kapal2 tersebut.

Ini-lah kali yang kedua Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota merasmikan pelancaran kapal2 yang diusahakan oleh sharikat itu, sementara kali yang pertama-nya ia-lah pada tahun 1964 ketika pelancaran Kapal Brunei No. 1 di-laksanakan.

Sa-buah dari kapal2 yang di-lancarkan pagi kelemarin ia-lah kepunyaan Sharikat Ting Hing, Hongkong yang berharga lebih dari \$100,000.00. Kapal tersebut di-beri nama "Man Tick" yang panjang-nya 70 kaki dan bukannya 24 kaki. Kapal itu boleh me-

muat sa-hingga 170 tan. Laju kapal itu ia-lah 10 batu sa-jam.

Yang juga di-lancarkan pagi kelemarin ia-lah sa-buah tongkang yang di-punyai oleh Sharikat Shin Heung, Miri yang berharga \$37,000.00. Tongkang itu panjang-nya 78 kaki 9 inchi dan buka-nya 24 kaki 7 inchi serta boleh mengangkat kayu balak sa-hingga 200 tan berat-nya.

Turut hadir di-upachara itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkih; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman; Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang F. D. Webber; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf; Ahli2 Majlis2 Mashuarat, Ketua2 Jabatan dan ketua2 kaum.

PERLAWANAN HOKI MENYAMBUT HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Hoki Daerah Brunei akan mengadakan Perlawanan Hoki sa-chara kalah mati antara Persatuan2 tempatan sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, mulai dari 23 Ogos hingga 24 September.

Seramai 14 pasukan akan mengambil bahagian dalam perlawanan hoki itu, bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei dan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam.

Jadual Lawatan Rombongan2 Penyuntek Ubat Kolera

BANDAR BRUNEI — Jadual lawatan Rombongan2 Penyuntek Ubat Kolera ka-beberapa kampong mulai dari 18 Ogos hingga ka-1 September, 1966 ada-lah seperti berikut: —

Hari Khamis 18 Ogos — jam 10 pagi: (a) Kampong Pangkalan Doun. (b) Kampong Nong Angeh. (c) Kampong Ukong. (d) Kampong Tong Kundai. (e) Kampong Pangkalan Ra'an.

Hari Isnin 22 Ogos — jam 11 pagi: (a) Kampong Pitou Lambang. (b) Kampong Pak Bidang. (c) Kampong Bang Paugan. (d) Kampong Talat. (e) Kampong Rambai.

Hari Selasa 23 Ogos — jam 11 Pagi: (a) Kampong Tanjung Ungar. (b) Kampong Bukit. (c) Kampong Pangkalan Panchor. (d) Kampong Litad. (e) Kampong Malaboi.

Hari Khamis 25 Ogos — jam 11 pagi: (a) Kampong Bang Ligi. (b) Kampong Long Tadion. (c) Kampong Bang Bingol. (d) Kampong Merimbun. (e) Kampong Sangkuwang.

Hari Isnin 29 Ogos — jam 11 pagi: (a) Kampong Benutan. (b) Kampong Kereta. (c) Kampong Batang Pitou. (d)

Kampong Keranching. (e) Kampong Pelajan.

Hari Selasa 30 Ogos — jam 11 pagi: (a) Kampong Mediet. (b) Kampong Belaban. (c) Kampong Mapol. (d) Kampong Takalit. (e) Kampong Supon Besar.

Hari Khamis 1 September — 11 pagi: (a) Kampong Supon Kechil. (b) Kampong Bedawan. (c) Kampong Lilipu. (d) Kampong Belabau. Lawatan Rombongan2 Penyuntek Ubat Kolera ka-kampong2 tersebut ia-lah di-rumah Ketua Kampong masing2.

21 Orang Bukan Melayu Dapat Sijil2 Bahasa Kebangsaan

SERIA. — Satu Majlis Menyampaikan Sijil2 Bahasa Kebangsaan Tahun III kepada 21 orang Penuntut2 bukan Melayu dari Seria dan Kuala Belait, anjoran Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran, Brunei, telah di-adakan di-Dewan Tunas Harapan, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria baru2 ini.

PIKAP Di-Tubuhkan Di-Kampong Ayer

KAMPONG PERAMU. — Persatuan Ikatan Kampong Peramu, Kampong Ayer yang menggunakan nama ringkas-nya "PIKAP" telah di-luluskan pendaftaran-nya oleh Pendaftar Persatuan2 Negeri Brunei pada 11 Ogos 1966.

Juruchakap persatuan itu, Awang Mahmud bin Haji Ali Hussin menyatakan bahawa persatuan itu di-tubuhkan ada-lah berdiri atas empat dasar pergerakannya.

Ke-empat2 dasar itu ia-lah Social, Kebajikan, Kebudayaan dan Pelajaran. Dasar2 pergerakan persatuan itu di-beri gelaran pendek sa-bagai "SKKP" yang sebutan-nya berbunyi "SAKAP".

Awang Mahmud menyatakan lagi bahawa ahli2 persatuan itu ada-lah terdiri dari anak buah Kampong Peramu yang berumur 13 tahun ka-atas. Penduduk2 dari Kampong2 lain juga akan di-terima menjadi ahli sa-sudah di-luluskan oleh Jawatan Kuasa Tadbir.

Penaja persatuan itu terdiri dari Awang Mahmud (Pengerusi); Awang Haji Md. Tariff bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad (Setiausaha); dan ahli2 jawatankuasa terdiri dari Awang Metussin Timbang, Awang Tuah bin Md. Noor, Awang Abidin bin Md. Zain, Awang Tuah bin Abd. Kadir Awang Jamil Metassan dan Awang Daud Momin.

Mashuarat Agong bagi melantek Ahli2 Jawatankuasa Tadbir yang baru akan di-adakan pada 26 Ogos, 1966.

BOLA SEPAK GABONGAN KAMPONG AYER MELAWAN DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Bola Sepak Gabongan Kampong Ayer akan melawan Pasokan Bola Sepak Daerah Brunei dalam satu perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Isnin 22 Ogos, 1966.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Pasokan Gabongan Kampong Ayer dan Kampong Sumbiling akan melawan Pasokan Daerah Brunei dalam satu lagi perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-Padang Besar Bandar Brunei sedikit hari lagi.

Sijil2 Bahasa Kebangsaan itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Pengiran Momin juga telah menyampaikan Sijil2 Membrentas Buta Huruf kepada 16 orang Penuntut2 Darjah Dewasa Wanita yang berjaya dalam tahun 1965.